

# Kita tidak sokong AS serang Afghanistan

UM 29 SEP 2001

**K**UALA LUMPUR 28 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berpendirian Malaysia tidak akan menyokong tindakan Amerika Syarikat (AS) menyerang mana-mana negara atas alasan memerangi penganas.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan membuat bantahan jika AS menyerang Afghanistan kerana ia hanya akan mengorbankan nyawa rakyat Afghanistan yang tidak bersalah.

"Kita memang menentang segala jenis keganasan tetapi kita harap yang diburu itu ialah penganas dan dalam usaha itu, tidak ada serangan dibuat ke atas mana-mana negara.

"Kita tidak bersetuju jika serangan dibuat ke atas Afgh-

anistan... setakat yang kita tahu tiada rakyat Afghanistan, Iraq atau Palestin yang terlibat sebaliknya mereka ini (penganas) kebanyakannya daripada Arab Saudi dan Mesir," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di Menara Dato' Onn di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau menambah, Kerajaan Arab Saudi dan Mesir juga tidak boleh disalahkan kerana para penganas itu boleh berada di mana-mana sahaja termasuk di AS sendiri.

Ketetapan yang diambil oleh MT itu, kata Perdana Menteri, akan turut disampaikan kepada duta-duta yang berada di luar negara supaya tidak ada per-

canggahan pendirian mengenai perkara itu.

Menurut Dr. Mahathir, MT juga berpendapat cara terbaik ialah dengan mengadakan satu persidangan antarabangsa mengenai penganasan di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan melibatkan semua negara.

"Tetapi ia mungkin memakan masa yang panjang sebab itu kita cadangkan penyertaannya dihadkan kepada beberapa buah negara sahaja termasuk negara Barat dan Islam untuk membincangkan masalah penganasan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah keganasan tidak dapat diatasi selagi dunia tidak mengetahui sebab-sebab serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dilakukan.

"Selagi kita tidak dapat hapuskan sebab-sebab ini, selagi itulah keganasan akan berterusan," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau telah menerima surat balas Perdana Menteri Britain, Tony Blair, berkenaan cadangan Malaysia supaya satu pasukan pemerhati dihantar ke Palestin bagi memisahkan puak Israel dari puak Palestin.

"Beliau tidak menjawab surat, cuma menyebut akan memberikan jawapan kemudian dan sebaliknya menimbulkan perkara lain pula," kata Perdana Menteri.

Perkara yang ditimbulkan Blair itu adalah berkaitan Myanmar dan ia akan diusahakan oleh kerajaan, ujar Dr Mahathir.